

## **PERANAN DAN CABARAN JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH (JHEAINS) DALAM MENANGANI ISU SUMBANG MAHRAM DI SABAH**

**[THE ROLE AND CHALLENGES OF THE DEPARTMENT OF ISLAMIC  
RELIGIOUS AFFAIRS OF SABAH STATE (JHEAINS) IN DEALING  
WITH THE ISSUE OF INCEST IN SABAH]**

DG NUR KAMILA JASMI<sup>1</sup>

ABDUL QAHHAR IBRAHIM<sup>1</sup>,

ROSLAN AB RAHMAN<sup>1</sup>,

NOORSAFUAN CHE NOH<sup>1</sup>

### **Abstrak**

Kajian ini memfokuskan kepada hal-hal yang berkaitan dengan pelaksanaan dan cabaran JHEAINS dalam menangani isu sumbang mahram di Sabah. Statistik menunjukkan peratusan tertinggi kes Sumbang Mahram adalah di negeri Selangor iaitu sebanyak 384 kes, manakala negeri Sabah pula menduduki tempat ke 7 di Malaysia bagi kes Sumbang Mahram iaitu sebanyak 82 kes sepanjang tempoh 5 tahun (2014 hingga 2018). Walau bagaimana pun, di Sabah, kes sumbang mahram dicatatkan semakin meningkat dari tahun ke tahun dalam tempoh 4 tahun dari tahun 2014 sehingga 2017 dan hanya menunjukkan penurunan 1 kes pada tahun 2018. Oleh itu, timbulnya persoalan mengenai peranan yang dijalankan oleh JHEAINS dalam menangani isu ini. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui konsep sumbang mahram menurut perspektif Islam, menganalisis peranan dan cabaran JHEAINS dalam menangani isu sumbang mahram di Sabah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes, terdapat dua metodologi utama yang digunakan oleh pengkaji iaitu kajian perpustakaan dan temu bual untuk pengumpulan data atau maklumat kajian. Pengkaji telah menemu bual seramai 5 orang informan yang bertugas sebagai kakitangan JHEAINS. Pengkaji mendapati bahawa bahagian JHEAINS yang bertanggungjawab dalam menangani isu sumbang mahram di Sabah iaitu Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah dan Bahagian Pendakwaan. Usaha dalam menangani isu sumbang mahram di Sabah perlu diperkemaskan dan dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa. Di samping itu, kajian ini juga turut dilaksanakan bagi menambahkan lagi kesedaran, pengetahuan dan sensitiviti masyarakat terhadap jenayah sumbang mahram yang dilihat semakin meruncing khususnya di Negeri Sabah dan umumnya di Malaysia.

**Kata Kunci:** Peranan, Cabaran, JHEAINS, Sumbang Mahram, Sabah.

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

**Corresponding Author:**

ABDUL QAHHAR IBRAHIM, Pusat Pengajian Teras (PPT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

E-mail: abdulqahhar@unisza.edu.my

## Abstract

This study focuses on matters related to the implementation and challenges of JHEAINS in the issue of incest in Sabah. Statistic shows that the highest percentage of incest is the state of Selangor which recorded a total of 384 cases and the state of Sabah ranked 7th which recorded a total of 82 cases over 5 years (2014-2018). Meanwhile in Sabah, incest cases were recorded increasing from year to year in the 4 years from 2014 to 2017 and only 1 case shown decreased in 2018. Therefore, the question arises on how JHEAINS deal this issue. The objective of this study is to acknowledge the concept of incest according to the Islamic perspective, analyze the roles and challenges of JHEAINS in dealing the issue of incest in Sabah. This study is a qualitative study using case study design, there are two main methodologies used by researcher namely library research and interviews for data collection or research information. Researcher interviewed 5 informant who worked as JHEAINS staff. The researcher found that the JHEAINS division which is responsible for dealing with the issue of incest in Sabah, namely the Shariah Law Enforcement Division and the Prosecution Division. Efforts in the issue of incest in Sabah need to be streamlined and further enhanced from time to time. In addition, this study was also implemented to increase public awareness, knowledge and sensitivity to the crime of incest which is seen to be especially acute in the State of Sabah and generally for people in Malaysia.

**Keywords:** Role, Challenges, JHEAINS, Incest, Sabah.

**Cite This Article:**

Dg Nur Kamilla Jasmi, Abdul Qahhar Ibrahim, Roslan Ab Rahman & Noorsafuan Che Noh. (2020). Peranan dan Cabaran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dalam Menangani Isu Sumbang Mahram di Sabah. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 2(3), 31-41.

## PENGENALAN

Dalam era kemajuan teknologi masa kini, dapat dilihat betapa meningkatnya jumlah kes jenayah seksual yang semakin melonjak naik dari semasa ke semasa. Islam memandang isu jenayah sebagai satu masalah moral yang berat dan mempunyai hubungkait yang rapat dengan kerukunan hidup dan ketenangan dalam komuniti. Isu sumbang mahram kerap menjadi polemik dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Kes Sumbang Mahram dilaporkan melibatkan ibu bapa kandung lebih kerap daripada penderaan seksual atau eksplorasi seksual dan dilihat sebagai situasi di mana ahli keluarga kurang bermotivasi untuk melaporkan kejadian tersebut kepada sumber di luar daripada keluarga (Fleet, Mary A, Scalise & Joseph J, 1996). ‘Mahram’ bermaksud pertalian yang diharamkan berkahwin disebabkan halangan nasab atau perkahwinan (Mohd Noor Omar, 2008). Sumbang mahram merupakan perbuatan zina atau hubungan seks yang dilakukan oleh orang yang mempunyai pertalian darah atau keturunan. Berdasarkan firman Allah S.W.T dalam Surah al-Nisa’ (5): 23 yang bermaksud:

“Diharamkan atas kamu (menikahi) ibu-ibumu, anak-anakmu yang perempuan, saudara-saudaramu yang perempuan, saudara-saudara ayahmu yang perempuan, saudara-saudara ibumu yang perempuan, anak-anak perempuan dari saudara-

saudaramu yang laki-laki, anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang perempuan, ibu-ibumu yang menyusui kamu, saudara-saudara perempuanmu sesusan, ibu-ibu istimu (mertua), anak-anak perempuan dari istimu (anak tiri) yang dalam pemeliharaanmu dari istri yang telah kamu campuri, tetapi jika kamu belum campur dengan istimu itu (dan sudah kamu ceraikan), maka tidak berdosa kamu (menikahinya), (dan diharamkan bagimu) istri-istri anak kandungmu (menantu), dan (diharamkan) mengumpulkan (dalam pernikahan) dua perempuan yang bersaudara, kecuali yang telah terjadi pada masa lampau. Sungguh, Allah Maha Pengampun, Maha Penyayang”.

Islam sangat menitik berat tentang penjagaan nasab atau keturunan dalam sesebuah institusi keluarga agar tidak rosak disebabkan nafsu yang melampau. Sumbang mahram merupakan kegiatan penganiayaan seksual yang boleh merosakkan mangsa dari segi fizikal dan juga kesihatan mental. Kegiatan sumbang mahram merupakan salah satu faktor penyebab kepada kerosakan nasab atau keturunan. Sumbang mahram berlaku dek kerana kerakusan nafsu yang dilakukan oleh darah daging sendiri. Pembabitan kaum Melayu mencatatkan jumlah tertinggi berbanding kaum lain. Hakikatnya manusia lebih takut pada undang-undang di dunia dan mereka yang melakukan kesalahan ini tidak takut langsung pada undang-undang yang ditentukan oleh Tuhan (Azizah Othman dan Azelin Aziz, 2004).

Budaya sumbang mahram yang semakin berleluasa dan semakin membimbangkan kerana berdasarkan peratus jenayah dalam tempoh 5 tahun (2014-2018) ini menunjukkan budaya tidak sihat ini semakin meningkat. Statistik menunjukkan peratusan yang tertinggi adalah Negeri Selangor yang mencatat jumlah sebanyak 384 kes dan Negeri Sabah menduduki tempat ke 7 yang mencatat jumlah sebanyak 82 kes (Portal Data, 12 Februari 2020).

Dasar penubuhan JHEAINS antaranya adalah untuk memantapkan pembangunan keluarga, memantapkan kefahaman dan penghayatan Islam dan undang-undang pentadbiran Islam di kalangan masyarakat. Oleh itu, kajian ini merupakan suatu kajian khusus tentang pelaksanaan dan cabaran JHEAINS dalam menangani isu sumbang mahram secara mendalam. Artikel ini terbahagi kepada tiga bahagian. Pertama, mengkaji peranan JHEAINS dalam menangani isu sumbang mahram. Kedua, mengetahui cabaran yang dihadapi oleh pihak JHEAINS dalam menangani isu sumbang mahram. Bahagian terakhir iaitu penutup yang akan merumuskan perbincangan dalam artikel ini.

## LATARBELAKANG PENUBUHAN JHEAINS

JHEAINS telah ditubuhkan pada 1 Januari 1996. Sebelum penubuhan JHEAINS, pengurusan hal ehwal berkaitan agama Islam dikendalikan oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). Namun, pihak MUIS telah membahagikan MUIS kepada tiga agensi iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Jabatan Mufti dan Jabatan Kehakiman Syariah. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) merupakan agensi jabatan kerajaan negeri dibawah Jabatan Ketua Menteri, Sabah. Rasional penubuhan JHEAINS adalah selaras dengan peranannya sebagai agensi pelaksana dan penguatkuasa bagi MUIS berdasarkan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Sabah 1992 dan kemudiannya diubah

kepada Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah No.5 tahun 2004 (Laman Web Rasmi JHEAINS, 20 Februari 2020).

Visi JHEAINS adalah untuk menjadi sebuah institusi berwibawa dalam mengembangkan syiar Islam dan melahirkan masyarakat sejahtera. Manakala, misi JHEAINS pula adalah untuk mewujudkan pengurusan hal ehwam Islam yang cekap dan berkesan. Seterusnya, objektif penubuhan JHEAINS adalah untuk mengurus hal ehwal Islam melalui pendidikan, dakwah dan undang-undang syariah untuk mencapai kesejahteraan dan matlamat penubuhan JHEAINS pula merupakan hasrat dan harapan dalam jangka masa yang panjang (Laman Web rasmi JHEAINS, 20 Februari 2020).

## **PERANAN JHEAINS DALAM MENANGANI ISU SUMBANG MAHRAM DI SABAH**

JHEAINS merupakan salah satu agensi kerajaan yang berperanan sebagai insitusi pelaksana dasar yang telah ditetapkan berkaitan agama Islam di negeri Sabah dan juga turut bertindak dalam aspek pelaksanaan hisbah yang berteraskan konsep amar makruf nahi mungkar. JHEAINS mempunyai pelbagai bahagian unit pengendalian dan pengurusan dalam struktur pentadbirannya. Bagi pengurusan isu sumbang mahram, bahagian yang terlibat secara khusus adalah bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah.

Tujuan penguatkuasaan ialah untuk menghapuskan mungkar demi menjaga kepentingan awal. Sekiranya terdapat sebarang perlakuan yang dianggap sebagai satu kesalahan jenayah syariah sebagaimana yang dinyatakan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (1995) Negeri Sabah dan diadukan kepada Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) oleh orang awam, maka pegawai yang bertugas akan memastikan sama aduan tersebut termasuk di bawah bidangkuasanya atau tidak. Bahagian ini mempunyai beberapa unit yang mempunyai skop tugas yang berbeza. Jelasnya peranan pihak JHEAINS dalam menangani isu sumbang mahram amat penting demi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam di Negeri Sabah. Terdapat beberapa langkah yang diambil yang jelas menunjukkan kewibawaan JHEAINS dalam menangani isu sumbang mahram, antaranya:

### **Menguatkuasakan Undang-undang**

Setiap Jabatan Agama Islam negeri-negeri di Malaysia mempunyai sebuah bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah termasuk Negeri Sabah. JHEAINS bertanggungjawab dalam menguatkuasa Undang-undang Enakmen 1992. Bagi melaksanakan penguatkuasaan undang-undang, pihak berkuasa atau individu yang bertanggungjawab perlu mempunyai kuasa dalam menjalankan tindakan. Dalam konteks jenayah Syariah, tindakan penguatkuasaan dijalankan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) (Mohd Farok Mat Nor, Mohamad Hafifi Hassim, Nor ‘Adha Ab Hamid, Azizah Mat Rashid & Maffuza Salleh, 2017). Bahagian JHEAINS yang bertanggungjawab dalam menguatkuasa undang-undang yang sedia ada dalam Enakmen Undang-undang Islam adalah Bahagian penguatkuasaan Undang-undang Syariah (Muhammad Tasawuf Hassan, 2020). Pernyataan ini disokong oleh Hartono Hendrikus dan Mohd Shahril Efendi Ismaili (2020) yang menyatakan bahawa peranan utama Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah ialah melaksanakan segala peraturan dan enakmen

yang telah digubal setakat mana bidang kuasa yang ada dan yang diberikan kepada pihak dalam bahagian ini.

Mengenakan tindakan undang-undang melalui prosedur yang telah ditetapkan oleh Mahkamah Syariah. JHEAINS berkuasa untuk mengambil tindakan Undang-undang melalui Mahkamah Syariah, ini adalah berasaskan kepada kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan, negeri-negeri di Malaysia menubuhkan Mahkamah Syariah masing-masing dan mewujudkan apa-apa undang-undang melibatkan orang Islam yang berkaitan diri dan keluarga termasuk undang-undang jenayah Syariah. Maka dengan itu, setiap negeri di Malaysia telah mewujudkan undang-undang jenayah Syariah di negeri masing-masing yang hanya tertakluk untuk orang Islam sahaja.

Bidang kuasa Mahkamah Syariah telah ditentukan oleh Akta Mahkamah Syariah Bidang kuasa Jenayah 1965 (Pindaan 1984). Ia memperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah boleh menjatuhkan hukuman maksimum RM 5000 denda, ataupun penjara maksimum 3 tahun ataupun sebatan 6 kali ataupun gabungan antara hukuman-hukuman berkenaan (Laman web rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah, 25 April 2020). Menurut informan Hartono Hendrikus (2020), bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah di JHEAINS akan membuat tindakan undang-undang melalui Mahkamah Syariah. Setiap mahkamah mempunyai bidang kuasa yang berbeza selaras dengan peruntukan yang terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Agama Islam yang diperuntukkan kepada negeri-negeri. Pelaksanaan undang-undang jenayah syariah terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah yang terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri selaras dengan Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan dan pelaksanaannya masih berterusan sehingga kini.

Bahagian Dakwah turut terlibat dalam memastikan Bahagian Penguatkuasaan Syariah mampu untuk mengawal kes sumbang mahram di negeri Sabah. Menurut Muhammad Tasawuf Hassan (2020), sekiranya kes sumbang mahram yang direkodkan mengalami pengulangan kes, maka Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah akan meminta bantuan daripada Bahagian Dakwah untuk membantu golongan pelaku sumbang mahram. Tugas Bahagian Dakwah adalah untuk memberi penerangan, penjelasan kepada si pelaku. Menurut beliau lagi, pihak JHEAINS mempunyai pusat pemulihan yang dinamakan Baitul Ihsan yang berfungsi untuk memberi kaunseling dan motivasi kepada pelaku jenayah syariah. Namun, bangunan Baitul Ihsan telah diambil alih oleh Maahad Tahfiz. Oleh itu, jika berlaku pengulangan kes, maka kes tersebut akan dibawa kepada Bahagian Dakwah. Pihak JHEAINS akan memohon surat perintah daripada mahkamah untuk perintah pemulihan.

Pihak Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah bekerjasama dan berurusan dengan agensi lain dalam menjalankan penguatkuasaan. Menurut beliau, antara agensi yang terlibat dalam menjalankan penguatkuasaan adalah pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), pihak Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM). Tiga agensi ini merupakan antara agensi yang utama yang bekerjasama dengan pihak Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah. Agensi kerajaan seperti pihak PDRM memberikan kerjasama yang baik dalam memberikan bantuan dari sudut keselamatan. Bantuan ini bagi memastikan keselamatan semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan penguatkuasaan terjamin. Tambahan lagi, prosedur untuk meminta bantuan daripada pihak polis juga tidak menghadapi sebarang masalah. Pihak JHEAINS hanya perlu membuat laporan bertulis kepada

pihak polis dan seterusnya pihak polis akan menjawab surat tersebut sama ada permohonan diluluskan (Muhammad Tasawuf bin Hassan, 2020).

### **Pelaksanaan Standard Operating Procedure (Sop)**

Tindakan yang diambil oleh PPA perlu bersandarkan kepada Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditetapkan. Setiap sektor di Malaysia memerlukan kepada sebuah panduan khusus untuk menjalankan tugas dan fungsi masing-masing berdasarkan ruang lingkup kuasa yang diberikan. Jelasnya JHEAINS mempunyai SOP yang khusus bagi melaksanakan setiap tugas yang dijalankan agar lebih teratur dan berstruktur. Peraturan dan arahan yang terdapat di dalam SOP perlu dipatuhi oleh PPA agar tidak berlaku sebarang perkara yang tidak diingini ketika melakukan tugas sehingga boleh membawa kepada kesan atau imej negative kepada badan agama Islam negeri. Berikut merupakan panduan pelaksanaan Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah bagi mengatasi jenayah syariah:

- i. Setiap unit dalam Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah mempunyai bidang tugas yang berbeza namun berkait antara satu dengan bahagian yang lain bagi memastikan jenayah syariah dapat dibendung dengan baik dan berkesan. Menurut Muhammad Tasawuf Hassan (2020), bahagian ini akan menerima aduan dan membuka borang 5 yang merupakan borang aduan. Menurut beliau lagi, tidak ada satu pun enakmen yang boleh dilaksanakan jika borang 5 tidak diisi oleh orang yang ingin membuat aduan.
- ii. Risikan akan dilakukan terhadap aduan tersebut. Akitiviti risikan ini dijalankan dibawah unit Risikan bagi memastikan aduan yang dibuat adalah benar dan jelas tempat kejadian yang dilaporkan. Seterusnya, unit Operasi akan mengambil alih tugas. Unit operasi akan mengambil hasil daripada unit Risikan bagi menjalankan tugas. Unit Operasi akan membuat permohonan untuk mendapatkan waran geledah dan tangkap. Jika pada hari tersebut tidak mempunyai tangkapan, tangkapan lain akan dibuat pada hari lain melalui waran mahkamah. Unit Siasatan akan mengambil alih tugas setelah pesalah ditangkap. Siasatan kes sumbang mahram akan dimulakan dengan proses siasatan pembuktian kad pengenalan, pembuktian yang mengesahkan pelaku tidak mempunyai sijil perkahwinan bersama. Setelah semua bukti jelas, unit siasatan akan membuka kertas siasatan untuk menyiasat mana-mana yang berkaitan untuk prosedur pembuktian.
- iii. Keputusan sama ada kes ada atau tidak ada merupakan salah satu langkah yang amat penting dalam proses pendakwaan. Hal ini demikian kerana tidak semua kes yang disediakan oleh Bahagian Penguatkuasaan berakhir dengan pendakwaan. Hasil daripada siasatan yang dikemukakan oleh Unit Siasatan akan memberikan kesan kepada keputusan sama ada prosiding akan dijalankan atau diberhentikan. Kes akan dipanjangkan ke mahkamah oleh Bahagian Pendakwaan untuk didakwa dan disabitkan kesalahan.

## Pelaksanaan Program Pencegahan Jenayah Syariah

Mohd Ikhwanuddin Jeperih (2020) menjelaskan bahawa pihak JHEAINS telah menjalankan beberapa program khusus bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat khususnya masyarakat Islam di Sabah tentang kegiatan sumbang mahram antaranya ialah program pencegahan jenayah syariah. Manakala Muhammad Tasawuf Hassan (2020), turut menerangkan bahawa pelaksanaan program jenayah syariah ini adalah merupakan program tahunan yang dikendalikan oleh pihak JHEAINS sendiri. Tambahan pula, menurut Hartono Hendrikus (2020), program seperti seminar dan dialog ini dilaksanakan bagi membantu masyarakat untuk lebih mendalamai ilmu agama dan mengetahui larangan-larangan yang telah termaktub dalam agama Islam.

Jelasnya Program Pencegahan Jenayah Syariah merupakan salah satu program tahunan yang dijalankan oleh pihak JHEAINS. Menurut Alester Ibrahim (2020), pelaksanaan program ini adalah sebanyak 2 kali dalam setahun. Program Pencegahan Jenayah Syariah ini dilaksanakan secara umum kepada masyarakat di negeri Sabah. Penceramah program tersebut adalah terdiri daripada kalangan pegawai JHEAINS sendiri dan juga wakil daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Di samping itu, Program Pencegahan Jenayah Syariah ini turut dilaksanakan di setiap daerah Negeri Sabah.

## CABARAN JHEAINS DALAM MENANGANI ISU SUMBANG MAHRAM DI SABAH

JHEAINS begitu komited dalam usaha menangani kes jenayah syariah di negeri Sabah membawa kepada pelbagai cabaran yang menjadikan proses-proses pencegahan jenayah syariah menjadi semakin mencabar dan sedikit sebanyak memberi impak dalam proses penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah. Berikut merupakan beberapa cabaran yang dihadapi oleh Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah, JHEAINS:

1. Kekurangan sumber manusia, Muhammad Tasawuf Hassan dan Mohd Shahril Efendi Ismaili (2020), menyatakan bahawa Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah khususnya dalam unit Siasatan mempunyai jumlah tenaga kerja yang kurang. Masalah kekurangan kakitangan adalah sesuatu perkara yang terpaksa dihadapi oleh mana-mana agensi. Jumlah kakitangan Bahagian Penguatkuasaan terutama di daerah-daerah jelas tidak mencukupi bagi menjalankan tugas demi mengatasi kes jenayah syariah di Sabah (Muhammad Tasawuf Hassan, 2020). Pernyataan ini disokong oleh Hartono Hendrikus, Mohd Shahril Efendi Ismaili dan Mohd Ikhwanuddin Jeperih. Pelaksanaan kes terhadap sesuatu aduan kadang kala mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Isu kekurangan tenaga kerja dalam aspek penguatkuasaan bagi Institusi Agama Islam Negeri jelas berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Abdul Qahhar Ibrahim et al. (2018), di mana beliau menjelaskan bahawa faktor kekurangan kakitangan juga turut memberikan bebanan atau cabaran dan masalah kepada pihak Bahagian Penguatkuasaan Halal (BPH) untuk melaksanakan gerak kerja penguatkuasaan halal yang lebih mantap. Maka, jelas sekali bahawa isu kekurangan sumber manusia bukan sahaja dihadapi oleh pihak JHEAINS namun ianya juga dihadapi oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) yang lain seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Menurut Muhammad

Tasawuf Hassan (2020) lagi, jumlah hakiki kakitangan Bahagian Penguatkuasaan di Sabah hanya berjumlah 12 orang. Pada pandangan beliau, Bahagian Penguatkuasaan di Sabah memerlukan sekurang-kurangnya 25-36 orang penguatkuasa ini adalah kerana negeri Sabah mempunyai sebanyak 36 daerah keseluruhannya. Oleh itu, sewajarnya, setiap daerah di Sabah memerlukan sekurang-kurangnya seorang penguatkuasa hakiki yang menjalankan tugas penguatkuasaan agama di daerah masing-masing.

2. Kelemahan kemahiran teknikal dalam kalangan kakitangan JHEAINS, menurut Mohd Shahril Efendi Ismaili dan Mohd Ikhwanuddin Jeperih (2020), tidak kesemua kakitangan menguasai dan memahami secara mendalam mengenai seksyen dalam enakmen yang digunakan dalam bidang kuasa mereka. Hal ini dikuatkan dengan kenyataan daripada Muhammad Tasawwuf Hassan (2020) yang menyatakan bahawa kemahiran teknikal di bahagian pejabat pusat yang terletak di Kota Kinabalu, Sabah amat dijaga. Namun, bahagian Penguatkuasaan setiap daerah hanya mempunyai seorang kakitangan sahaja yang bertanggungjawab dalam menangani kes-kes yang melibatkan bahagian Penguatkuasaan. Tambahan pula, orang yang dilantik itu bukan daripada kalangan pengkhususan dalam bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah. Manakala di beberapa daerah di Sabah, penguatkuasa Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah adalah bukannya daripada kalangan kakitangan yang memegang tugas hakiki sebagai penguatkuasa. Mereka dilantik oleh Tuan Yang Terutama (T.Y.T) sebagai penguatkuasa di setiap daerah untuk membantu para penguatkuasa yang memegang tugas hakiki sebagai penguatkuasa (Alester Ibrahim, 2020). Menurut Tasawuf bin Hassan (2020) mereka juga akan mengikuti kursus atau bengkel khas tentang Penguatkuasaan Undang-undang Syariah pada setiap tahun untuk memantapkan lagi kualiti kerja mereka.
3. JHEAINS turut berhadapan dengan kekurangan fasiliti yang sepatutnya disediakan bagi sesebuah organisasi. Setiap tugas yang dijalankan oleh JHEAINS memerlukan fasiliti yang lengkap bagi memudahkan kes diselesaikan dengan cepat dan efisyen. Kemudahan fasiliti sukar dilengkapkan kerana JHEAINS mengalami kekangan dari sudut kewangan. Menurut Muhammad Tasawwuf Hassan (2020), fasiliti yang kurang menyebabkan kakitangan bertindak menggunakan peralatan sendiri seperti telefon bimbit sendiri untuk mengambil gambar bukti di tempat kejadian. Beliau berkata lagi bahawa kenderaan yang disediakan di setiap daerah hanya satu dan sekali lagi terpaksa menggunakan kenderaan peribadi untuk menyelesaikan tugas agar kes yang direkodkan tidak menjadi kes yang tertunda. Menurut Alester Ibrahim (2020), *walkie-talkie* juga merupakan salah satu fasiliti yang kurang dana mat diperlukan dalam menjalankan tugas penguatkuasaan. Ini adalah kerana *walkie talkie* berfungsi untuk menghubungkan dan memudahkan kakitangan untuk menjalankan penguatkuasaan ketika berada di tempat kejadian.
4. Kekangan dari segi peruntukan kewangan juga turut menjadikan usaha membendung kes sosial seperti kes sumbang mahram semakin sulit. JHEAINS merupakan sektor awam yang tidak dapat menjana kewangan dengan mudah berbanding dengan sektor swasta yang lain. Hal ini kerana, sektor awam perlu memperuntukkan anggaran kewangan untuk setiap bahagian yang ada di dalam agensi. Menurut Hartono Hendrikus (2020), kekangan peruntukan kewangan menyebabkan program-program

yang dijalankan secara berkala menjadi agak terhad kerana peruntukan kewangan yang diperuntukkan adalah sedikit jika dibandingkan dengan jumlah peserta program yang terlibat. Manakal Mohd Shahril Efendi Ismaili (2020) menjelaskan bahawa peruntukan kewangan yang terhad turut menjejaskan tugas JHEAINS untuk menjalankan hebahan kepada masyarakat awam terutama di bahagian pedalaman negeri Sabah. Kekurangan peruntukan kewangan tahunan yang disediakan turut memberi kesan kepada penyediaan fasiliti yang diperlukan di setiap bahagian JHEAINS seperti peralatan menyiasat, alat-alat teknologi dan kenderaan jabatan. Menurut Muhammad Tasawuf Hassan (2020), pihak Bahagian Penguatkuasaan sedang dalam perancangan untuk memohon agar Bahagian Penguatkuasaan dapat dijadikan sebuah jabatan. Hal ini agar peruntukan kewangan dapat diberikan dengan jumlah yang lebih besar untuk menampung keperluan Bahagian Penguatkuasaan.

5. Cabaran dalam menangani sesuatu kes dari sudut kerjasama boleh berlaku dalam kalangan organisasi atau agensi itu sendiri atau kerjasama dengan agensi luar. Menurut Muhammad Tasawuf bin Hassan (2020), nilai kerjasama yang dipraktikkan oleh semua pihak yang terlibat dalam Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) adalah sangat baik dan memuaskan. Namun, terdapat beberapa masalah dari sudut kerjasama dari agensi luar seperti mahkamah. Beliau menjelaskan bahawa, kekangan sebegini tidak kerap berlaku namun ada ketika di mana kadang kala ianya sering terjadi seperti aspek kerjasama pihak mahkamah dan JHEAINS. Sebagai contoh, ketika kakitangan memohon supaya dikeluarkan waran dari mahkamah, pihak mahkamah akan melontarkan pelbagai soalan yang akan menyebabkan berlakunya kelewatan pelaksanaan prosedur pihak JHEAINS untuk menyelesaikan sebarang kes. Hal ini berkemungkinan berpunca daripada perbezaan prosedur bagi setiap jabatan yang perlu dinilai atau dikaji semula pada masa akan datang. Malah menurut beliau, masalah kebocoran dari segi maklumat oleh agensi-agensi tertentu turut juga boleh menyebabkan pelaksanaan penguatkuasaan menjadi semakin sulit.
6. Masyarakat Islam yang mengambil mudah mengenai isu sumbang mahram di Sabah. Jelasnya, cabaran yang dihadapi oleh pihak JHEAINS bukan sahaja dari pihak JHEAINS sendiri. Namun, cabaran bagi melaksanakan penguatkuasaan juga wujud dari sikap masyarakat yang mengambil enteng terhadap isu jenayah syariah. Menurut Hartono Hendrikus dan Mohd Ikhwanuddin Jeperih (2020), masyarakat Islam di Sabah tidak mengambil peduli tentang masalah ini dan juga mempunyai sikap pentingkan diri sendiri tanpa menghiraukan orang sekeliling. Malah Mohd Shah A'shaari & Azman Ibrahim (2006), turut menjelaskan bahawa masyarakat yang mempunyai rumah yang terpencil dan jauh daripada jiran tetangga juga menyebabkan si pelaku sumbang mahram berasa lebih selamat untuk melakukan jenayah sumbang mahram. Oleh hal yang demikian, si pelaku beranggapan bahawa pihak berkuasa khususnya pihak daripada Bahagian Penguatkuasaan (BP) tidak akan dapat mengesan perbuatan jenayah si pelaku. Bahkan menurut Muhammad Tasawuf Hassan (2020), apabila berlaku kes sumbang mahram masyarakat Islam di Sabah lebih memilih untuk merahsiakan kes tersebut kerana ingin menutup aib ahli keluarga masing-masing. Menurut beliau lagi, hal ini terjadi disebabkan oleh tahap pengetahuan masyarakat yang masih di tahap rendah. Di peringkat nasional, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam diperkenalkan sejak

tahun 1985. Pelaksanaan dasar ini telah banyak memberi kesan kepada masyarakat Islam mengenai penghayatan Islam yang menyeluruh. Namun, keberkesanannya agak rendah. Hal ini boleh dikaji melalui kes-kes jenayah syariah yang berlaku semakin meningkat walaupun agensi kerajaan mempunyai pelbagai cara untuk menangani isu ini. Selain daripada mempunyai tahap pengetahuan yang rendah tentang agama Islam, masyarakat di Sabah juga lebih memilih untuk berpegang kepada adat kebiasaan yang berlaku di Sabah (Muhammad Tasawuf bin Hassan, 2020).

## KESIMPULAN

JHEAINS memainkan peranan yang signifikan dalam memastikan urusan berkaitan hal ehwal Islam di Negeri Sabah terurus dan berstruktur dengan baik terutama sekali yang berkaitan dengan jenayah syariah seperti sumbang mahram. Hasil daripada enakmen yang disediakan, pihak JHEAINS dapat lebih teliti dalam menangani isu jenayah syariah khususnya isu sumbang mahram di Negeri Sabah. Enakmen turut menyatakan bahawa pelaku sumbang mahram layak diberi hukuman dikuatkuasakan oleh JHEAINS mengikut prosedur yang ditetapkan. Di samping itu, pelaksanaan prosedur penangkapan kes oleh pihak JHEAINS juga membawa hasil dan dapat ditangani dengan baik tanpa timbul kekangan yang tidak dapat dielakkan. Setiap prosedur yang dijalankan mengikut urutan yang betul. Hal ini bagi mengelakkan sebarang masalah sudut keberkesanan prosedur yang dijalankan. Prosedur yang dilakukan melibatkan pelbagai unit antara unit yang terlibat adalah unit penyiasatan, unit pendakwaan, unit penguatkuasaan. Inisiatif pihak JHEAINS untuk mengurangkan jumlah kes sumbang mahram di Negeri Sabah tidak dapat diragui lagi, pihak JHEAINS mengadakan program pencegahan jenayah syariah secara berkala dan program tersebut disambut dengan baik oleh masyarakat Islam di Sabah. Setiap usaha yang dibawa oleh JHEAINS perlu dikenang dan dihargai demi kemudahan semua pihak khususnya masyarakat Sabah. Oleh itu, melalui analisis cabaran yang dihadapi JHEAINS dalam menangani isu sumbang mahram telah membentuk satu kesimpulan bahawa cabaran-cabaran ini perlu diatasi dengan segera dan ianya memerlukan penglibatan pelbagai pihak bagi mengekang sekali gus mengurangkan kes sumbang mahram di negeri Sabah.

## RUJUKAN

- Abdul Qahhar Ibrahim, Mohd Borhanuddin Zakaria, Roslan Abdul Rahman, Noorsafuan Che Noh. (2018). Cabaran Pelaksanaan Hisbah Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Selangor. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and human Sciences*, 1 (4), 1-8.
- Alester Ibrahim. 2020. Peranan dan Cabaran JHEAINS dalam Menangani Kes Sumbang Mahram di Sabah. Temu bual, 6 November.
- Azizah Othman dan Azelin Aziz. (2004). Fenomena sumbang mahram di kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Fleet, Mary A., Scalise, Joseph J. (1996). Sexual abuse, incest, and sexual exploitation: Mental health practitioners' perspective. *Journal of Mental Health Counseling* 18(3): 263-274.
- Hartono Hendrikus. 2020. Peranan dan Cabaran JHEAINS dalam Mengatasi Kes Sumbang Mahram di Sabah. Temu bual, 15 Mac.

- [http://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/statistik-kesalahan-luar-tabii](http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-kesalahan-luar-tabii)  
[http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State\\_Enact\\_Ori.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/b264b3b2ee79c384482570e00002614f?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/b264b3b2ee79c384482570e00002614f?OpenDocument)
- Laman Web Rasmi JHEAINS.* (tt). Dicapai pada 25 Mei 2020 daripada <https://jheains.sabah.gov.my/>.
- Mohd Ikhwanuddin Jeperi. 2020. Peranan dan Cabaran dalam Mengatasi Kes Sumbang Mahram di Sabah. Temu bual, 15 Mac.
- Mohd Noor Omar. Sumbang Mahram Dilaknat. Diperolehi pada 5 Januari 2020 daripada <http://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2018/12/26/sumbang-mahram-dila-knat/>
- Mohd Shah A'shaari dan Azman Ibrahim. (2006). Sumbang Mahram- Apa Anda Perlu Tahu. Skudai: ABS Tinta
- Mohd Shahril Efendi Ismaili. 2020. Peranan dan Cabaran JHEAINS dalam Mengatasi Kes Sumbang Mahram di Sabah. Temu bual, 15 Mac.
- Muhammad Tasawuf Hassan. 2020. Peranan dan Cabaran JHEAINS dalam Mengatasi Kes Sumbang Mahram di Sabah. Temu bual, 20 Februari.
- Pejabat Agama Islam Sabah.* (tt). Dicapai pada 15 Mac 2020 daripada <https://www.sppim.gov.my/sppim/paid?negeriId=13>
- Pengkelasan Kes Jenayah. *Laman web rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah.* Dimuat turun daripada <http://sabah.jksm.gov.my/pengkelasan-kes-jenayah/> Portal Data. (7 Mei 2019). Dicapai pada 12 Februari 2020 daripada